

Orang Melayu suka ikut loghat kaum lain

Cemara bahasa sebab meniru

Oleh SAODAH ELIAS

(P)

● LIHAT JUGA MUKA 6

Datuk Seri Dr Mahathir berkata percakapan yang pelat dan telur sebenarnya tidak lagi menjadi **amalan** orang bukan Melayu kerana sebahagian besar mereka sekarang sudah fasih bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

"Malah, jika kita hanya mendengar mereka bercakap **tanpa** melihat mereka, sukar bagi kita memastikan **sama ada** yang bercakap itu orang keturunan Cina, India atau orang Melayu sendiri," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan perlunya diadakan satu kajian semula peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan bahasa **tanpa** menjejaskan persefahaman antara kaum yang dicapai ketika memperjuangkan kemerdekaan.

Ini perlu bagi tujuan mengukuhkan lagi penggunaan bahasa Malaysia dalam semua urusan rasmi dan melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan sepenuhnya, katanya.

Menurutnya, kaji selidik juga perlu diadakan untuk mengetahui kemajuan dan pencapaian serta mengenal pasti masalah utama dalam pelaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor awam, termasuk di badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kajian juga perlu dilakukan secara menyeluruh untuk mengetahui pencapaian dan masalah utama yang dihadapi dalam penggunaan bahasa di sektor swasta dan dalam bidang profesional.

Selain itu, pihak bertanggungjawab juga perlu mengambil tindakan tegas mengatasi masalah penggunaan bahasa Malaysia dalam bidang perundangan, kehakiman, kejuruteraan, perubatan, perindustrian dan perdagangan.

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pencemaran Bahasa Kebangsaan berlaku bukan sahaja kerana **kesilapan** kaum bukan Melayu tetapi **juga** disebabkan tabiat orang **Melayu** yang terlalu cepat meniru loghat **pertuturan** kaum lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, perbuatan seperti itu menyebabkan wujudnya Bahasa Kebangsaan yang tercemar dengan loghat Tamil, Cina dan pelbagai loghat lain.

BH 12 DEC 1987

Jika orang Melayu sendiri tidak sedar yang kesilapan mereka mencemari Bahasa Kebangsaan, kecemaran itu akan terus berkekalan, katanya ketika merasmikan *Gerakan Cinta Bahasa Kita di sini hari ini.*

Serentak itu, beliau menggesa diperluaskan penggunaan bahasa Malaysia ke semua bidang kerjaya di sektor awam dan swasta seperti perundangan, kehakiman, kejuruteraan, perubatan, perdagangan dan perindustrian.

Melanjutkan ulasan berkenaan pencemaran bahasa, Perdana Menteri berkata: "Pencemaran ini hanya boleh diatasi jika orang Melayu tidak sengaja mengikut loghat rakan percakapan mereka apabila bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

"Mereka sebaliknya mesti sentiasa menggunakan bahasa Malaysia baku dengan baik tanpa mengira dengan siapa mereka bertutur."